



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 14 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	SEIZED BOATS SUNK TO SERVE AS ARTIFICIAL REEFS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5 APMM LUPUS 9 BOT NELAYAN ASING, LOKAL, HM -20 SEMBILAN BOT NELAYAN VIETNAM DILUPUS JADI GUGUSAN TUKUN SEGANTANG, NEGARA, KOSMO -11 MENGAIL IKAN DI PETAK SAWAH, KOMUNITI KITA, UM -42	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	PELAJAR, GURU SMK CHANGKAT LADA JAYAKAN PROGRAM PERTANIAN BANDAR, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	TINDAKAN PANTAS VETERINAR DIPUJI, NEGARA, KOSMO -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	MADACORP JAMIN BEKAL BENIH PADI BERKUALITI, DALAM NEGERI, UM -9	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9.	SAMPAH HANTUI NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -13 TUMPAHAN MINYAK: HIDUPAN MARIN BERISIKO KERACUNAN, MATI, DALAM NEGERI, UM -13	PERSATUAN NELAYAN KAWASAN (PNK)
10. 11. 12.	BERI BANTUAN TERUS KEPADA PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -9 OKU PEKAK JADI USAHAWAN TANI, NEGARA, KOSMO -17 PERANG MUSANG KING, MONTHONG DI CHINA, DUNIA, BH -46	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14/10/2020

THE SUN

NEWS

5

WITHOUT
BORDERS

One of the seized boats being sunk by the Malaysian Maritime Enforcement Agency at Pulau Susu Dara in Terengganu yesterday. - **BERNAMAPIX**



Seized boats sunk to serve as artificial reefs

BESUT: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) in Terengganu has disposed nine seized foreign boats by converting them into artificial reefs in the waters off Pulau Susu Dara.

Its director, Maritime Captain Muhammad Suffi Mohd Ramli said the boats belonged to Vietnamese fishermen who were stripped of their rights (to the boats) for encroaching and

catching fish in the country's waters in 2018 and 2019.

"The artificial reefs were named 'Tukun Segantang' to commemorate the services of KM Segantang, which is the oldest MMEA vessel, that aided in the capture of 80 foreign fishermen's boats from 2015 to date," he told reporters after witnessing the disposal of the boats.

Also present was Terengganu Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim.

Muhammad Suffi expressed hope the artificial reefs would help preserve marine biodiversity, and reiterated the agency's commitment in nabbing foreign fishermen in the country's waters. - Bernama

14/10/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

20

APMM lupus 9 bot nelayan asing

Besut: Sembilan bot nelayan asing dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu dilupuskan di perairan Pulau Susu Dara, di sini untuk dijadikan tunkun tiruan.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mubammad Suffi Mohd Ramli berkata, semua bot milik nelayan Vietnam dilucutkan hak kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara antara 2018 dan 2019.

"Tukun itu dinamakan Tukun Segantang sempena memperingati jasa Kapal KM Segantang yang merupakan kapal tertua APMM yang pernah me-

angkap 80 bot nelayan asing sejak 2015 hingga tahun ini," katanya pada sidang media selepas menyaksikan proses pelupusan bot di perairan Pulau Susu Dara pagi semalam.

Majlis disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim.

Muhammad Suffi berkata, tukun diharapkan mampu memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta menunjukkan komitmen APMM dalam mengekang kebanjiran nelayan asing ke perairan negara.

"Ia ditenggelamkan di sempadan perairan Kelantan dan Terengganu bertujuan menggalakkan aktiviti perikanan rekreasi khususnya untuk bot nelayan kelas A.

Hasil kajian dengan kerjasama Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) juga mendapati lokasi mempunyai kedalaman air 25 meter dan sejauh 9.4 kilometer dari Kuala Besut itu amat sesuai untuk bot berkenaan ditenggelamkan," katanya.

Tambahnya, mengikut rekod sehingga kini APMM menenggelamkan 155 bot nelayan asing di perairan Terengganu sejak 2006. — Bernama

BOI milik nelayan Vietnam yang dilupuskan APMM di perairan Pulau Susu Dara, semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2020	KOSMO	NEGARA	11

Sembilan bot nelayan Vietnam dilupus jadi gugusan Tukun Segantang

BESUT – Maritim Malaysia (APMM) menenggelamkan sembilan bot nelayan Vietnam yang telah dilucut hak di perairan Pulau Susu Dara dekat sini semalam.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, kesemua sembilan bot nelayan Vietnam berkenaan dilupuskan untuk menjadi tukun tiruan di perairan tersebut.

“Gugusan tukun tiruan itu telah dinamakan sebagai Tukun

Segantang sebagai penghargaan terhadap *Kapal Maritim (KM) Segantang* yang pernah digunakan sebagai aset terpenting APMM di perairan Terengganu.

“Operasi APMM menggunakan *KM Segantang* berjaya menangkap 80 nelayan asing yang mencerobohi perairan negara sepanjang lima tahun tempoh perkhidmatannya sebelum dipulangkan semula kepada Tentera Laut Diraja Malaysia pada 10 Jun lalu,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui selepas menyaksikan pelupusan semua bot nelayan Vietnam terbabit yang disempurnakan Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian, Industri Makanan, Peladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim.

Muhammad Suffi berkata, *KM Segantang* yang berusia 55 tahun merupakan aset tertua pernah dimiliki APMM namun masih kukuh disebabkan diperbuat daripada besi padu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	42

Mengail ikan di petak sawah

BUAT jujuk kalinya, seramai 100 peserta menyertai program Moh Poei Ngail Semilang yang diadakan di sawah padi Kampung Sungai Buloh, Jelebu baru-baru ini.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Sungai Buloh, Mostakim Muhammad berkata, program tersebut dianjurkan sebagai aktiviti riadah berikutan terdapat banyak ikan sembilang dan puyu dalam petak sawah padi tersebut.

Ikan-ikan tersebut sebelum ini dilepaskan menerusi projek perintis menternak ikan sembilang dan puyu dengan kerjasama Jabatan Perikanan dan Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar Glami Lemi pada Ogos lalu.



Tambah Mostakim, tiada bayaran pendaftaran dikenakan kepada peserta, namun dikenakan bayaran RMS bagi setiap kilogram ikan yang berjaya ditangkap.

SEBAHAGIAN peserta yang terlibat dalam program Moh Poei Ngail Semilang yang diadakan di

petak sawah padi di Kampung Sungai Buloh, Jelebu. - UTUSAN/ ZAKKINA WATI TARMIZI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2020	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

Pelajar, guru SMK Changkat Lada jayakan program pertanian bandar



SEBAHAGIAN daripada pelajar dan guru SMK Changkat Lada, Kampung Gajah, Teluk Intan menjayakan program Pertanian Bandar Daerah Perak Tengah 2020 baru-baru ini.

BERKEBUN Seramai 40 pelajar dan lima guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changkat Lada, Kampung Gajah, Teluk Intan, Perak menjayakan program Pertanian Bandar Daerah Perak Tengah 2020 baru-baru ini.

Program anjuran Jabatan Pertanian negeri Perak itu bagi mendedahkan pelajar dan guru mengenai kaedah penanaman sawi secara nutripot.

Kaedah itu dapat mengatasi masalah penyiraman yang kerap dan pembajaan serentak sekali gus memudahkan kerja pengurusan tanaman selain boleh mendapat pulangan yang setimpal.

Program tanaman yang diusahakan di sekolah berkenaan juga merupakan bimbingan kepada pelajar bagi melakukan perkara sama di rumah masing-masing.

14/10/2020

KOSMO

NEGARA

13

Anjing tersangkut kepala pada botol plastik diselamatkan

Tindakan pantas Veterinar dipuji

Tular

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

KUALA LUMPUR – Gelagat seekor anjing dengan kepalanya masih tersangkut botol plastik semasa merayau di sebuah kawasan di Taman Saujana Bukit Katil, Melaka telah tular di laman sosial.

Melalui perkongsian di laman Facebook Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia), anjing tersebut telah diselamatkan oleh sepasukan penguat kuasa dan pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka.

Katanya, tindakan pantas dan kerja kuat pasukan penyelamat akhirnya berjaya membantu anjing malang ini dengan membuat tangkapan sekali gus mengeluarkan botol yang tersangkut di kepalanya.

"Anjing yang diselamatkan disahkan sihat dan dibebaskan semula untuk menjalani kehidupan seperti biasa.

"Tabiah dan terima kasih Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka atas usaha gigih

membantu anjing malang ini," katanya di laman Facebook.

Sehingga pukul 3 petang semalam, gambar menyelamatkan anjing yang tersangkut botol kepala itu telah dikongsi lebih 120 kali dan mendapat lebih 1,500 tanda suka daripada netizen.

Perkongsian oleh Animal Malaysia itu turut mengundang pelbagai reaksi netizen yang memuji sikap pasukan penyelamat yang bertindak pantas menyelamatkan haiwan berkenaan.

Selain itu, netizen turut mengesakan perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat yang suka membuang sampah.

Seorang pengguna, Tato Mamillio telah meninggalkan komentarnya: "Terima kasih hero-hero, semoga Allah membalas jasa anda semua."

Nonik Lebo pula telah meninggalkan komen: "Inilah padahnya bila manusia suka membuang sampah merata-rata, tidak ada kesedaran langsung."

Ain Mano pula menyatakan sikap membuang sampah manusia menyebabkan haiwan yang mencari makanan menjadi ruangsa pula.



PEKERJA Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjarang salah seekor anak anjing itu bagi memudahkannya membuka plastik pada seekor anjing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

MADACorp jamin bekal benih padi berkualiti

ALOR SETAR: Pemiagaan Peladang MADA Sdn. Bhd. (MADACorp) memberi jaminan benih padi yang dibekalkan kepada pesawah di negeri ini dan Perlis tulen serta berkualiti bagi menjamin hasil tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif MADACorp, Mohamad Anuar Pir Mohamad berkata, benih padi yang dibekalkan mengikut Piawaian Akreditasi Standard (SAP) ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Pada masa ini, kata beliau, pihaknya membekalkan lapan varieti benih padi sah yang dikeluarkan MADACorp iaitu MARDI Siraj 297, MR 220 CL 2, MR 219, UKMRC 2, UKMRC 8, Sebernas 808, Sempadan 307 dan MRQ 76 (padi wangi).

"Sebanyak 4,000 tan metrik benih padi daripada lapan vari-

eti dibekalkan kepada pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi musim 2/2020 melibatkan kawasan seluas 28,000 hektar.

"Jumlah keseluruhan kawasan tanaman padi MADA dianggarkan kira-kira 116,000 hektar," katanya di sini semalam.

Selain MADACorp, dua lagi syarikat pengeluar benih padi di kawasan MADA ialah Pertama Padi Sdn. Bhd. dan KB Seri Merbok Sdn. Bhd.

Mingguan Malaysia pada 11 Oktober lalu melaporkan ekoran benih padi tidak berkualiti dibekalkan syarikat-syarikat pembekal menyebabkan hasil beras negara merosot kira-kira 300,000 tan metrik setahun dengan kerugian pesawah pula dianggarkan mencecah sehingga RM300 juta.

Selain itu, Mohamad Anuar



Sebanyak 4,000 tan metrik benih padi daripada lapan varieti dibekalkan kepada pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi musim 2/2020 melibatkan kawasan seluas 28,000 hektar."

**MOHAMAD ANUAR PIR
MOHAMAD**

berkata, kebanyakan pesawah di kawasan MADA lebih berminat membeli benih padi varieti MR 297 yang lebih tahan daripada serangan penyakit dan mengeluaran hasil tinggi.

Katanya, keadaan tersebut menyebabkan benih padi varieti itu cepat habis bekalan berbanding varieti lain.

Sampah hantui nelayan

Oleh RAJA JAAFAR ALI
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Baru hendak bangkit semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), timbul pula masalah baharu menghantui nelayan Kampung Pasir Gudang Baru yang terpaksa berhadapan masalah lambakan pembuangan sampah, di Kuala Sungai Johor.

Situasi tersebut mendatangkan kebimbangan kepada mereka apabila lambakan sampah menyebabkan hasil tangkapan berkurangan kebelakangan ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, sampah yang terlalu banyak menyebabkan banyak hidupan laut tidak dapat membiak.

"Pernah nelayan dapat lebih 30 kilogram sampah ketika menarik jala, bukannya ikan. Kalau dapat ikan lain kira, ini dapat sampah.

"Ini memberi kesan kepada para nelayan sekiranya tidak dibendung sudah tentu hidupan laut seperti ikan dan kupang berkurangan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Menurut Azli, sampah tersebut bukan setakat terapung di muara sungai, malah bersepah di celah-celah pokok bakau terutama di dasar sungai yang



SAMPAH mengotori sepanjang Kuala Sungai Johor di Kampung Pasir Gudang Baru, Johor Bahru, baru-baru ini.

berpunca daripada sikap orang ramai membuangnya ke dalam sungai.

"Apabila air surut, banyak sampah kelihatan merata-rata di pokok bakau dan pesisiran sungai," katanya.

Azli berkata, pihaknya sudah memaklumkan masalah itu kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang supaya membuat perangkap sampah di sekitar kawasan Kuala Sungai.

"Jika tidak diuruskan dengan

segera, sudah tentu perairan Kuala Sungai Johor tercemar dengan sampah.

"Akhirnya bukan sahaja mencemarkan alam tetapi menjejaskan hasil pendapatan kami sebagai nelayan," ujarnya.

Tumpahan minyak: Hidupan marin berisiko keracunan, mati

KUALA TERENGGANU: Kejadian tumpahan minyak di laut boleh mengakibatkan hidupan marin termasuk ikan dan organisma kecil mengalami keracunan serta mati, sekali gus menjejaskan keseluruhan rantaian makanan dalam ekosistem tersebut.

Dekan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Marinah Mohd. Ariffin berkata, ini kerana organisma kecil seperti fitoplankton dan zooplankton yang menjadi makanan utama ikan sangat sensitif terhadap pencemaran.

Katanya, jika proses pembersihan tumpahan minyak tidak dilakukan segera, rantaian makanan menerima kesan jangka panjang.



MARINAH MOHD. ARIFFIN

"Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana bakal mengganggu keseimbangan siratan makanan. Kita menyeru

pihak bertanggungjawab mempercepat proses pembersihan pantai agar dapat mengawal kesan langsung tumpahan minyak.

"Pencemaran minyak bukan sahaja memberi kesan buruk kepada alam sekitar terutama hidupan laut, malah ekosistem di pesisir pantai dan kepada komuniti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas kejadian tumpahan minyak di Pantai Cermim, Port Dickson, Negeri Sembilan yang dikesan sehingga ke pantai Tanjung Tuan dan Teluk Kemang.

Menurut Marinah, kejadian itu turut berisiko memberi kesan terhadap kesihatan manusia terutama kalangan mereka yang

menggemari makanan laut.

"Apabila toksik daripada bahan tercemar itu diambil organisma kecil seperti plankton, ini menyebabkan bioakumulasi iaitu pengumpulan bahan toksik kepada pemangsa seperti ikan.

"Pengambilan makanan yang tercemar dengan sisa tumpahan minyak dalam kuantiti yang banyak atau berterusan boleh menyebabkan kanser kerana bahan kimia di dalam minyak bersifat karsinogenik," katanya.

Tambahnya, dari segi forensik walaupun pencegahan sumber tumpahan sukar tetapi usaha itu boleh dilaksanakan penyelidik menerusi kajian kandungan komposisi minyak yang diambil daripada sisa tumpahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Beri bantuan terus kepada pesawah

KUALA LUMPUR: Insentif pembelian terus benih padi daripada pembekal dilantik kerajaan lebih menjamin hasil pesawah pada masa akan datang.

Pakar Sains Pertanian, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Normala Ismail berkata, usaha tersebut perlu dilakukan dengan membabitkan rekod data penanaman, pertukaran maklumat dan khidmat nasihat kepada pesawah.

Menurut beliau, rekod data penanaman mampu menjadi bukti dan rujukan kajian serta bantuan kepada pesawah atau kerajaan yang mahu meningkatkan hasil padi pada masa akan datang.

"Pesawah harapkan pembelian dengan mudah dan kualiti biji benih baik. Masalahnya orang tengah mengenakan caj tinggi dan masalah ini tidak pernah selesai. Dalam hal ini pesawah adalah pengguna dan mereka sudah tentu mahu hasil tanaman berkualiti.

"Perlu ada mekanisme bagaimana mahu bantu pesawah. Apa yang saya lihat kerajaan boleh wujudkan bantuan terus kepada pesawah," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, rata-rata pesawah mengeluh kerana hasil padi merosot sehingga 50 peratus disebabkan benih tidak berkualiti selain kekurangan serta kelewatan bekalan.

Tambah Normala, masalah padi angin berlarutan sejak 20 tahun dan bukan satu isu baharu kepada pesawah.

"Ada dua kaedah penanaman padi iaitu tabur terus atau semaian. Tabur terus penyebab padi angin. Ini antara punca yang dikenal pasti," jelasnya.



BEBERAPA usahawan tani yang telah berjaya mengusahakan tanaman Melon Manis Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

OKU pekak jadi usahawan tani

KUALA TERENGGANU - Sekumpulan 25 orang dari orang kelainan upaya (OKU) kategori kurang pendengaran membuktikan kemampuan menjadi usahawan tani apabila berjaya mengusahakan tanaman Melon Manis Terengganu.

Presiden Persatuan Orang Pekak Terengganu, Tengku Arman Harris Tengku Ismail berkata, projek perintis tersebut mendapat tunjuk ajar dan bantuan modal daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sejak hampir dua bulan lalu.

"Program bertujuan mendedahkan ahli persatuan dengan pertanian bagi menjana pen-

dapatan," katanya dalam bahasa isyarat ketika ditemui ketika menuai hasil Melon Manis Terengganu tersebut di Batu Buruk di sini semalam.

Tengku Arman Harris berkata, mereka yang pertama kali bertani itu mendapat tunjuk ajar penanaman 200 pokok Melon Manis Terengganu secara fertigation daripada sekumpulan pensyarah Pakulti Perikanan dan Sains Makanan UMT diketuai Dr. Wan Zaliha Wan Sembok.

Menurut beliau, tanaman Melon Manis Terengganu itu sudah boleh dituai dalam tempoh 54 hari sahaja dengan pengeluaran hasil keseluruhan kira-kira 100

kilogram.

"Kami cadang jual buah ini pada harga RM8 sekilogram. Selain itu, kami turut diajar usahakan sarang lebah kelulut bagi bantu proses pendebungaan tanaman selain menghasilkan madu.

"Persatuan cadang membekalkan lagi perusahaan tanaman Melon Manis Terengganu pada masa hadapan termasuk di tanah milik ahli persatuan," katanya.

Tengku Arman Harris berkata, pihaknya berharap usaha murni tersebut mendapat bantuan modal dan kepakaran daripada pihak berkenaan termasuk kerajaan negeri Terengganu.



Durian Malaysia yang siap dibungkus untuk di eksport ke China.

(Foto BERNAMA)

Perang Musang King, Monthong di China

Malaysia, Thailand bersaing kuasai pasaran durian

Bangkok: Perang durian melutus di China dengan persaingan sengit antara Musang King Malaysia dan Monthong Thailand bagi menguasai pasaran durian yang semakin lumayan di republik itu.

Konsulat Jeneral Thailand di Nanjing berkata, Malaysia melancarkan 'serangan' sejak awal bulan ini, membanjiri wilayah Guangxi dengan bekalan lebih 1,000 tan durian Musang King sempena program 'Durian Malaysia 2020'.

Malaysia memanfaatkan saluran pemasaran norma baharu menggabungkan jualan secara langsung dan dalam talian selain menawarkan sampel percuma serta jualan promosi durian pada harga serendah 1 yuan (62 sen) sekilogram.

Justeru, durian Malaysia kini semakin popular di China dengan promosi bulan ini saja menyaksikan jualan 340,000 biji durian bernilai lebih 70 juta yuan (RM43 juta).

'Durian Malaysia 2020' turut membuka peluang kepada pengusaha Malaysia untuk menin-

jau cita rasa pasaran China bagi produk berperisa durian seperti kentang goreng, kopi, minuman keras, tahu, kuli bulan dan ais krim.

Thailand sudah lama menjadi pengeksport durian terbesar ke China, dengan pasaran terbesarnya di wilayah Guangxi dan Guangdong.

Bagaimanapun, status Monthong sebagai raja durian di China kini diancam oleh Musang King atau lebih dikenali sebagai 'Maoshan Wang' oleh penggemar China, yang turut menggelarnya sebagai 'Hermes' dalam kala-

Durian Malaysia kini memberi saingan hebat selepas memasuki pasaran dalam talian dengan menggunakan teknologi pembekuan nitrogen yang mampu luput daripada lima hari kepada 18 bulan.

Si Hao, Pengurus Bahagian Makanan, Sayuran dan Barangan Sejuk T-Mall

ngan durian.

Dalam tempoh lima tahun lalu, harga runcit Musang King meningkat 300 peratus selepas China mula mengimport durian sejuk beku dari Malaysia.

Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia menggesa pengusaha durian memperluaskan kawasan tanaman, dengan mengunjurkan eksport Musang King mampu meningkat sehingga 50 peratus lagi dan produk hilir bertambah lebih dua kali ganda.

Malaysia juga merancang meningkatkan penguasaan pasaran eksport durian sejuk beku ke China antara 50 hingga 75 peratus dalam masa terdekat.

Raja buah itu kini boleh di beli di pasaran dalam talian China seperti laman sesawang T-Mall.

Pengurus Bahagian Makanan, Sayuran dan Barangan Sejuk T-Mall, Si Hao, berkata kebanyakannya peniaga di laman sesawangnya menjual durian Monthong, yang menguasai 80 peratus pasaran China dan durian Chinese.

"Bagaimanapun, durian Malaysia kini memberi saingan hebat selepas memasuki pasaran dalam talian dengan menggunakan teknologi pembekuan nitrogen yang mampu melanjutkan tarikh luput daripada lima hari kepada 18 bulan," katanya. AGENSI